



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28/06/2013

# PM sertai Dialog Global 2013 di Tanzania

UM - 28/6/2013

DAR ES SALAAM 27 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga hari ke Tanzania bermula esok untuk menghadiri program dwitahunan Dialog Perkongsian Pintar Global 2013 (Global 2013) di sini.

Ia adalah lawatan rasmi pertama beliau ke luar negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) dan juga penyertaan pertamanya sebagai Perdana Menteri dalam dialog itu di Afrika setelah ia dicetuskan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerusi penganjuran Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1995.

Perdana Menteri yang dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Julius Nyerere pada pukul 10 malam esok (3 pagi Sabtu, waktu Malaysia) untuk mengetuai 104 delegasi dari Malaysia, akan diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke



Kenya yang turut bertanggungjawab terhadap Tanzania dan Uganda, Ismail Salam berkata, Najib akan mengambil bahagian dalam empat sesi program tersebut iaitu dua sesi dialog dan dua sesi perbincangan kumpulan pemikir.

Selain itu, menurutnya, sepanjang berada di sini, Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan hubungan dua hala dengan beberapa ketua kerajaan dari Afrika termasuk menemui Presiden Sri Lanka, Mahindra Rajapaksa dan Presiden Uganda, Yoweri Museveni.

"Pembabitian Malaysia dalam di-

alog ini menunjukkan komitmen kita untuk mengemukakan isu-isu antarabangsa khususnya yang berkaitan dengan kepentingan Afrika. Penyertaan Perdana Menteri dalam dialog ini juga akan merapatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Tanzania," katanya kepada media Malaysia dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Global 2013 bertemakan Memanfaatkan Teknologi untuk Transformasi Sosioekonomi Afrika dari 28 Jun hingga 1 Julai ini dianjurkan Perkongsian Komanwel untuk Pengurusan Teknologi (CPTM) berpangkalan di London dan kerajaan Tanzania. Turut menyertai delegasi Malaysia ialah Dr. Mahathir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala; dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Seramai 15 ketua negara atau ketua kerajaan dari rantau Afrika dijadual hadir dan menyertai Global 2013. Kali terakhir negara dari be-

nua Afrika menganjurkan dialog itu ialah di Munyonyo, Uganda pada 2009 sebelum disusuli Putrajaya, Malaysia pada 2011.

Ismail memberitahu, dalam Global 2013, ketua-ketua negara dan kerajaan yang hadir akan membincangkan idea-idea dan pengalaman negara masing-masing dalam isu-isu berkaitan sains, teknologi dan inovasi (STI) dan bagaimana STI boleh dimanfaatkan untuk merangsang transformasi ekonomi Afrika.

"Global 2013 juga disertai oleh ahli-ahli perniagaan, saintis, ahli akademik dan pemimpin pelajar yang akan membincangkan pelbagai isu berkaitan STI," katanya sambil menambah, Malaysia juga mengambil bahagian dalam pameran yang diadakan sempena Global 2013 iaitu melibatkan penyertaan 28 agensi kerajaan dan syarikat.

Sementara itu, menjawab soalan, Ismail berkata, selepas 18 tahun dianjurkan, dialog tersebut telah

membuka pelbagai peluang kepada pelabur-pelabur Malaysia untuk menanam modal di Afrika walaupun jumlah dan nilainya masih belum membanggakan.

Tambahnya, selain hubungan akrab dengan negara-negara di Afrika, Malaysia juga menerima pelbagai manfaat daripadanya termasuk dalam bidang pendidikan iaitu menerusi peningkatan jumlah pelajar dari benua tersebut yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi negara.

"Nilai pelaburan syarikat-syarikat Malaysia belum begitu besar berbanding China, India, Brazil dan Jepun kerana mereka masih tidak mempunyai keyakinan tinggi terhadap ketelusan dan dasar-dasar di negara tertentu di Afrika. Bagaimanapun, dengan penyertaan Perdana Menteri dalam dialog ini pasti meningkatkan keinginan pelabur Malaysia mencari peluang perniagaan di sini," katanya.